

mengutus telegram kepada raja-raja dan *president-president* negara-negara Islam dan juga kepada ulama-ulama Islam dan kepada persatuan-persatuan muslimin di seluruh dunia menuntut supaya mereka turut sama campur tangan untuk menyelamatkan Sayyid Qutb dan rakan-rakannya dari tiang gantungan Gamal Abdel Nasser, kandungan telegram itu berbunyi:

“Sesungguhnya kami dari seluruh dunia telah mendengar hukuman yang kejam yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah di Mesir untuk menggantung seorang sarjana Islam yang terkenal, Sayyid Qutb dan rakan-rakannya yang tidak berdosa. Suatu perkara yang sangat memalukan, seorang sarjana Islam yang terkemuka dan rakan-rakannya yang tidak berdosa, akan dibunuh di hadapan mata setiap orang yang mempunyai perasaan dan keimanan di seluruh dunia. Melakukan jenayah yang sebegitu kejam akan menggoncangkan perasaan seluruh umat Islam. Tuan-tuan semua diseru campur tangan untuk mencegah perbuatan yang sekejap itu berlaku ....

“Membela kemuliaan peri kemanusiaan bermakna membela setiap manusia di atas muka bumi ini. Sesungguhnya Islam mewajibkan di atas tuan-tuan supaya bertindak. Sifat peri kemanusiaan menuntut supaya tuan-tuan tegak berdiri dengan gagah di hadapan muka pembunuh-pembunuh yang pengecut, hatinya bergelimang dengan darah yang kotor bernoda. Mereka tidak menyeksa orang yang mukmin itu melainkan mereka itu beriman kepada Allah yang gagah lagi terpuji yang mempunyai kerajaan di langit dan di bumi dan Allah itu menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu”

Surat ini ditandatangani oleh

Ibrāhīm bin Ālī al-Wazīr, ketua  
Gabungan Tenaga Rakyat di Yaman.

### **Bantahan-Bantahan Dari Lain-Lain Negeri**

Bantahan-bantahan tiba mencurah-curah dari negara-negara Islam di antaranya dari beberapa pertubuhan di Pakistan, Jordan, Morocco, Tunis dan tidak ketinggalan dari Jam‘iyah al-Da‘wah al-Islāmīyah di Singapura.

Tetapi walaubagaimanapun bantahan bertalu-talu datangnya namun hukuman dilakukan juga kepada Sayyid Qutb bersama dengan dua orang rakannya itu

dengan tidak mengendahkan sama sekali atas perhatian dunia Islam. Nampaknya bahawa tidak ada belas kasihan yang dilakukan terhadap kepada anggota-anggota Ikhwān al-Muslimīn.

Tetapi sebaliknya hukuman “ihsan” diberi oleh mahkamah itu kepada komplotan komunis yang cuba hendak menggulingkan pemerintahan Gamal Abdel Nasser. Ini menjadi suatu tanda benarnya apa yang disebut oleh Sayyid Qutb seperti yang tersebut di lain ruangan.

---

### **Tahukah tuan ... ?**



Satu kabilah orang-orang *Red Indian* yang tinggal di sebelah tenggara Lautan Teduh mempunyai kemahiran yang luar biasa dalam pekerjaan menangkap ikan. Mereka mempunyai suatu kepercayaan yang luar biasa, iaitu melarang anak-anak kembar mereka memakan ikan dan menghampiri laut. Kerana mereka berkepercayaan bahawa tiap-tiap anak kembar yang dilahirkan itu keturunannya adalah berasal dari ikan-ikan di laut, bukan berasal dari manusia. Oleh yang demikian itulah mereka tidak membenarkan anak-anak gemar mereka menghampiri laut dan memakan apa jenis ikan jua pun kerana ditakuti kanak-kanak kembar itu akan kembali kepada asal keturunannya.



Di negeri Nawbah – utara Mesir – ada sekumpulan orang-orang Arab pelarian yang menamakan diri mereka “qabilah al-‘ibābadihi”. Pengikut qabilah tersebut mempunyai kepercayaan bahawa bencana pasti akan menimpa keluarga setiap pemudi yang telah berkahwin kalau pemudi itu berjumpa kembali dengan ibu kandungnya walaupun pertemuan itu dengan secara tak sengaja.

Oleh yang demikian setiap pemuda – dari qabilah al-‘ibābadihi – yang telah berkahwin terpaksa berpindah membawa isterinya ke suatu kampung yang jauh dari tempat kediaman ibu mertuanya. Dengan tujuan supaya mereka tidak dapat berjumpa lagi dengan ibu mertuanya itu buat selama-lamanya.